

## SEMINAR SEHARI KESUSASTERAAN KANAK-KANAK DAN REMAJA 2010

### TEMA

Sastera Kanak-Kanak dan Remaja Pencetus Transformasi Budaya Bangsa Cemerlang

### LATAR BELAKANG

Khalayak pembaca dalam kalangan kanak-kanak dan remaja di negara ini ramai, tetapi jumlah bahan bacaan yang bermutu untuk kelompok tersebut masih belum mencukupi. Oleh yang demikian Seminar Sehari Kesusasteraan Kanak-Kanak dan Remaja 2010 ini dapat memberi galakan dan perangsang kepada golongan masyarakat agar dapat bersama-sama membangunkan dan memartabatkan kesusasteraan kanak-kanak dan remaja. Di samping itu, dengan adanya seminar ini diharap dapat memasyarakatkan kesusasteraan kanak-kanak dan remaja kepada khalayak umum. Usia penulisan karya sastera kanak-kanak dan remaja belumlah begitu lama dan mempunyai tradisi yang kukuh dibandingkan dengan penciptaan karya sastera untuk umum atau dewasa.

Terdapat beberapa kekurangan dalam proses pertumbuhan dan perkembangan sastera kanak-kanak dan remaja tanah air. Antaranya kesungguhan dan ketekunan penglibatan serta penghasilan karya sastera kanak-kanak dan remaja masih jauh ketinggalan dibandingkan dengan apa yang berlaku dalam perkembangan karya sastera dewasa. Ia bukan sahaja ketinggalan dari segi usia malah dari aspek penglibatan penulis, para pengkritik dan para sarjana pelbagai disiplin yang ada kaitannya dengan dunia kanak-kanak dan remaja itu sendiri. Di sinilah kesusasteraan kanak-kanak dan remaja itu terabai dan serentak dengan itu pula masyarakat semacam melupakan kebornasan pemikiran warisan bangsa yang menegaskan "Jika melentur buluh biarlah daripada rebungunya".

Selama ini sama ada disedari atau tidak, masyarakat hanya bersandarkan apa yang difikirkan betul dan sesuai dibaca oleh kanak-kanak dan remaja. Walhal, konsep yang betul dan sesuai hanya berdasarkan kaca mata masyarakat dewasa. Malah berkemungkinan apa yang difikirkan itu tidak sesuai dengan tahap pencapaian pemikiran, keperluan, minat, kecenderungan serta naluri kanak-kanak dan remaja itu sendiri.

Di samping itu, penulis sastera kanak-kanak dan remaja masih kabur tentang definisi dan konsep sastera kanak-kanak dan remaja. Malah tidak kurang pula yang masih mencari-cari, umpamanya novel atau cerpen yang bagaimanakah lebih baik, bermutu, sesuai dan boleh dimanfaatkan oleh pembaca kanak-kanak dan remaja. Hal ini sebenarnya lebih merupakan ciri-ciri kekurangan yang harus diakui dan diterima oleh kebanyakan penulis dalam usaha untuk meningkatkan prestasi mereka dalam penghasilan karya sastera kanak-kanak dan remaja.

### OBJEKTIF

- Menyemai rasa cinta akan kesusasteraan kanak-kanak dan remaja tanah air supaya dapat menghargai dan mempertahankannya.
- Memasyarakatkan kesusasteraan kanak-kanak dan remaja sebagai langkah awal ke arah pengiktirafan komuniti terhadap kanak-kanak dan remaja.
- Meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kesusasteraan kanak-kanak dan remaja dalam perkembangan sosial
- Mengiktiraf hasil karya penulis karya kanak-kanak dan remaja dalam perkembangan kesusasteraan Melayu.

### KERTAS KERJA

Sebanyak 13 kertas kerja dalam pelbagai topik akan dibentangkan dalam seminar tersebut antaranya:

- Representasi Unsur Akhlak dan Agama dalam Sastera Kitab,
- Keseimbangan Komersialisme dan estetika dalam Sastera Remaja,
- Karya dan Psikologi Remaja, Motivasi dan Visi Pengarang dalam Sastera Remaja,
- Sastera Remaja dan Kritikan: Ke Arah pembinaan Khalayak yang Unggul,
- Karya dan Psikologi Remaja,
- Transformasi Sosial dalam Sastera Remaja.



## BORANG PENDAFTARAN

Nama : .....

Jawatan : .....

Alamat : .....

.....

.....

.....

Pekerjaan .....

No. Tel : .....(Pej).....(HP)

E-mel : .....

Penyertaan sebagai:

<input type="checkbox"/>	Pelajar
<input type="checkbox"/>	Guru/pensyarah
<input type="checkbox"/>	Sahabat PURNAMA
<input type="checkbox"/>	Lain-lain

Bersama-sama ini saya serta wang tunai sebanyak RM..... sebagai yuran penyertaan saya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....

## PESERTA

Seminar ini terbuka kepada kumpulan sasaran yang berikut :

- pensyarah
- guru dan guru pelatih
- pegawai pendidikan
- penulis
- penggiat sastera
- penerbit
- pelajar IPTA/IPTS
- Sahabat PURNAMA
- Sesiapa sahaja yang berminat dalam kesusasteraan kanak-kanak dan remaja

## YURAN PENDAFTARAN

Yuran pendaftaran (termasuk makan tengah hari kudapan dan kertas kerja seminar):

Pelajar	RM15.00
Sahabat PURNAMA	RM20.00
Guru/Pensyarah	RM30.00
Lain-lain	RM30.00

Bayaran: Tunai

Tarikh akhir pendaftaran peserta:  
12 Oktober 2010

## MAKLUMAT LANJUT

Urus Setia  
Seminar Sehari Kesusasteraan Kanak-Kanak dan Remaja 2010  
Bahagian Pengembangan Sastera Kanak-Kanak dan Remaja,  
Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Tingkat 21, Menara DBP  
Jalan Dewan Bahasa  
50460 Kuala Lumpur.

Tel: 019-9378585 (Dr. Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi-UPM)

03-21482518 (Pn. Hairani Mohd. Khalid)

03-21483113 (Pn. Zabidah Yahya)

No. Faks.: 03-21414109

E-mel : [hairani@dbp.gov.my](mailto:hairani@dbp.gov.my)  
: [zabidah@dbp.gov.my](mailto:zabidah@dbp.gov.my)



## SEMINAR SEHARI KESUSASTERAAAN KANAK-KANAK DAN REMAJA 2010

Tarikh:  
14 Oktober 2010  
(Khamis)

Tempat:  
Dewan Seminar Aras 2  
Menara DBP

Anjuran bersama:  
Bahagian Pengembangan  
Kesusasteraan Kanak-Kanak dan Remaja  
Dewan Bahasa dan Pustaka

dan

Jabatan Bahasa Melayu,  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia

